

SYARAT LANTIKAN

- (i) Jawatan : **PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH) STPM/DIPLOMA**
- (ii) Syarat Lantikan : Calon hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - a) warganegara Malaysia;
 - b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh iklan jawatan;
 - c) Diploma dalam bidang Pentadbiran Awam yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi Pengajian Tinggi Tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **ATAU**
 - d) Diploma dalam bidang undang-undang yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; **DAN**
 - e) Lulus Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- (iii) Gaji Sehari : RM72.00 (akan dibayar berdasarkan bilangan hari bertugas)
- (iv) PSH adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa yang dipanjangkan oleh Kerajaan kepada mereka atau arahan pentadbiran lain yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan.
- (v) Pengambilan PSH **bukan suatu jaminan** untuk diserap sebagai pegawai lantikan tetap. Sebaliknya, PSH yang memenuhi syarat yang ditetapkan dalam mana-mana skim perkhidmatan hendaklah memohon kepada Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan melalui proses pengambilan biasa.